

KEWAJIPAN PENIAGA MEMATUHI PERINTAH

**Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan
(Penandaan Harga Barangan Harga Terkawal) 2020**

**Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan
(Penentuan Harga Maksimum) 2020**

Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993

A. *Kewajipan Peniaga:*

- i. Kerajaan mewajibkan peniaga **menjual barangan harga terkawal tidak melebihi harga maksimum** yang ditentukan;
- ii. Meletakkan **tanda harga berwarna merah jambu** ke atas barangan harga terkawal bagi membezakannya dengan barangan lain; dan
- iii. **Mempamerkan tanda harga** ke atas semua barangan yang dijual.

B. *Tindakan akan diambil ke atas peniaga sekiranya didapati melakukan kesalahan-kesalahan berikut:*

- i. Menjual melebihi harga maksimum yang telah ditentukan;
- ii. Gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal; dan
- iii. Gagal mempamerkan tanda harga atau senarai harga ke atas barangan yang dijual.

C. *Penalti bagi kesalahan:*

Kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum yang telah ditentukan

- i. Bagi **individu** yang melakukan kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum yang telah ditentukan boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000. Manakala bagi **syarikat** yang melakukan kesalahan tersebut boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000;

Kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal yang dijual

- ii. Bagi **individu** yang melakukan kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal yang dijual boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000. Manakala bagi **syarikat** yang melakukan kesalahan tersebut boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

Kesalahan gagal meletakkan tanda harga atau senarai harga ke atas barangan yang dijual

- iii. Bagi **individu** yang melakukan kesalahan gagal meletakkan tanda harga atau senarai harga ke atas barangan yang dijual :

Denda maksimum

- **Orang perseorangan**
 - Kesalahan pertama RM 50,000 atau dua tahun penjara
 - Kesalahan kedua atau berikutnya RM100,000 atau lima tahun penjara
 -
- **Pertubuhan Perbadanan/Syarikat**
 - Kesalahan pertama RM 100,000
 - Kesalahan kedua atau berikutnya RM 250,000

Kompaun

- Maksimum sehingga RM25,000 bagi individu dan RM50,000 bagi pertubuhan perbadanan/syarikat.

**BAHAGIAN PENGUATKUASA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA
PUTRAJAYA**